



اوتیورسیتی ملیسیا فهیج السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

GARIS PANDUAN GERAN LAB2MARKET UMPSA

KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKASURAT
BAHAGIAN 1 PERMOHONAN		
1.1	Definisi dan Tujuan	3
1.2	Syarat-Syarat Permohonan	4
1.3	Peruntukan Siling Permohonan	6
1.4	Tempoh Permohonan	7
1.5	Peraturan Kewangan	7
1.6	Hasil Penyelidikan	12
BAHAGIAN 2 PENILAIAN		
2.1	Penilaian Peringkat Universiti	13
2.2	Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Peruntukan	13
BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN		
3.1	Pemantauan Laporan Kemajuan Projek	14
3.2	Pemantauan Laporan Akhir Projek	14
3.3	Projek Tidak Aktif	15
DAFTAR ISTILAH		16
LAMPIRAN		
	Carta Alir Proses Kerja	18

1.1 DEFINISI DAN TUJUAN

Geran Lab2Market UMPSA – Kod Geran UICXX10YY

1.1.1 Geran Lab2Market adalah geran dalaman universiti yang bertujuan dalam membantu penyelidik dalam membangun serta memantapkan produk/teknologi dari hasil penyelidikan yang berpotensi tinggi untuk diketengahkan dalam aktiviti pengkomersialan.

** XX – tahun & YY – bilangan geran semasa .

1.1.2 Produk/teknologi yang dicadangkan wajib melibatkan teknologi Universiti Malaysia Pahang (UMPSA) samada dari segi validasi pasaran, *optimization of product/technology*, demonstrasi keberkesanan teknologi atau aktiviti pembangunan jangka masa pendek (*short term development*).

1.1.3 Geran Lab2Market menggalakkan penyelidik Universiti Malaysia Pahang AISultan Abdullah (UMPSA) menjalinkan kerjasama bermanfaat dan melibatkan komuniti secara terus dalam konteks pemindahan teknologi dan validasi pasaran.

1.1.4 Dana yang ditawarkan adalah bagi membina dan memperkukuh hubungan dan kepercayaan *mutual* di antara UMPSA dan industri dalam mengkomersialkan teknologi UMPSA.

1.1.5 Antara aktiviti yang boleh dijalankan menggunakan dana ini termasuklah, tetapi tidak terhad kepada aktiviti *optimization of product / technology*, pembuatan (*manufacturing*), pembangunan sistem (*system development*), kajian dan validasi pasaran (*market testing and validation*), pembungkusan (*packaging*), serta pembangunan panduan penggunaan produk (*product manual development*)

1.1.6 Tahap minimum Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) bagi produk/ teknologi ialah enam (6), iaitu prototaip dapat berfungsi dengan baik dalam persekitaran yang sebenar dan berpotensi untuk dikomersialkan mencapai TRL 7-9 ketika permohonan dana dikemukakan.

1.1.7 Pihak universiti walaubagaimanapun berhak untuk membuat sebarang perubahan ke atas Garis Panduan ini pada bila-bila masa mengikut keperluan semasa.

1.2 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1.2.1 Permohonan terbuka kepada staf akademik bertaraf tetap/kontrak dan sekurang-kurangnya gred DS45. Bagi staf kontrak, permohonan perlu mempunyai ahli staf akademik yang bertaraf tetap dan mempunyai kepakaran dalam projek yang dilaksanakan. Staf kontrak perlu mempunyai ahli dari kalangan staf berjawatan tetap.

1.2.2 Pensyarah sambilan, cuti belajar atau yang masih dalam cuti sabbatical adalah tidak layak untuk memohon.

1.2.3 Setiap permohonan yang diterima perlu melalui sesi penilaian khusus untuk menilai samada produk/teknologi tersebut layak untuk menerima dana daripada geran ini atau tidak

1.2.4 Produk/teknologi yang layak untuk memohon geran ini perlu memenuhi beberapa aspek berikut:

- a) Sesuatu produk/teknologi sudah tamat atau selesai fasa R&D;
- b) Sudah mempunyai rakan kerjasama yang berminat untuk mengkomersialkan produk/teknologi tersebut;
- c) Tahap minimum Tahap Ketersediaan Teknologi (TRL) bagi produk/teknologi ialah enam (6);
- d) Proses pembuatan akhir serta sasaran produk/teknologi yang jelas.

1.2.5 Mempunyai harta intelek (paten, cap perniagaan, hak cipta, reka bentuk industri, rahsia perniagaan dan lain-lain) berdaftar di bawah UMPSA adalah satu kelebihan.

1.2.6 Setiap projek perlu mempunyai sekurang-kurangnya 2 ahli projek dan maksimum 5 ahli. Sekiranya terdapat keperluan untuk ahli projek melebihi 5 orang. Ketua Projek perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Timbalan Naib Cancellor Penyelidikan & Inovasi (TNCPI).

1.2.7 Penyelidik hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek (pra pengkomersialan) sahaja dalam satu-satu masa. Penyelidik hanya dibenarkan untuk memohon geran yang baru apabila peruntukan dana terdahulu telah selesai dan mencapai KPI/hasil projek serta mengemukakan laporan akhir ke Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JPI).

1.2.8 Keutamaan akan diberikan kepada penyelidik yang tiada geran projek aktif atau *Non Principal Investigator (Non PI)*.

1.2.9 Bagi Ketua Projek yang bersara/berhenti/diberhentikan/tamat kontrak perlu menyerahkan projek kepada ahli projek atau yang dinamakan oleh pihak fakulti.

1.2.10 Permohonan boleh dibuat bagi semua bidang penyelidikan yang telah mempunyai hasil penemuan, dan hanya perlu menghasilkan produk akhir untuk dipasarkan.

- 1.2.11 Produk/teknologi yang ingin dihasilkan ialah dalam bentuk produk fizikal, sistem, teknologi, modul atau lain-lain bentuk yang difikirkan munasabah oleh Panel Penilai.
- 1.2.12 Sebarang permohonan dan urusan oleh ahli projek perlu mendapatkan kebenaran Ketua Projek terlebih dahulu.
- 1.2.13 Bagi projek yang didaftarkan melalui Pusat Kecemerlangan (CoE)/PTJ kelulusan perlu melalui Pengarah CoE dan fakulti.
- 1.2.14 Penyelidik yang ingin menukar tajuk dan skop projek perlu mengemukakan permohonan beserta kertas cadangan yang baru dan akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Penyelidikan (JKPP).
- 1.2.15 Penyelidik perlu memastikan tajuk projek bagi permohonan proposal baru tidak sama dengan proposal terdahulu yang telah diluluskan. Namun adalah dibenarkan bagi proposal bersifat *continuity* projek.

1.3 PERUNTUKAN SILING PERMOHONAN

Peruntukan siling permohonan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

Jenis Geran	Peruntukan Siling Permohonan
<p>Geran Lab2Market UMPSA</p>	<p>Tiada jumlah peruntukan siling yang ditetapkan bagi permohonan dibawah Geran Lab2Market namun tertakluk kepada kelulusan jawatankuasa berdasarkan pembentangan dan keperluan projek.</p>

1.4 TEMPOH PERMOHONAN

- 1.4.1 Tempoh maksimum projek penyelidikan adalah 24 bulan sahaja.
- 1.4.2 Terdapat 2 fasa menjalankan projek bagi permohonan dana ini. Fasa 1 adalah selama 3-6 bulan manakala Fasa 2 adalah berdasarkan baki tempoh 24 bulan yang ditetapkan. Fasa 2 akan terbatal sekiranya output/hasil projek dalam Fasa 1 adalah tidak mencapai seperti kelulusan permohonan.
- 1.4.3 Pelanjutan tempoh projek adalah dibenarkan sebanyak dua (2) kali di mana setiap kali pelanjutan adalah 6 bulan sahaja. Pelanjutan kali ketiga (3) adalah tidak dibenarkan dan perlu mendapat kelulusan universiti sekiranya perlu. Permohonan pelanjutan perlu dikemukakan selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh projek.

1.5 PERATURAN KEWANGAN

- 1.5.1 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini dan Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa.
- 1.5.2 **Vot 11000 – Gaji dan Upah**
- Peruntukan V11000 adalah bagi pembayaran gaji untuk Pegawai Penyelidik/Pembantu Penyelidik (RO/RA) dengan kadar minimum RM1,300/bulan atau berdasarkan kelayakan yang sesuai. RO/RA hendaklah bukan bertaraf pelajar di UMPSA dan sekurang – kurangnya memiliki diploma dalam bidang berkaitan. Peruntukan ini dibenarkan dibayar kepada 1 RO/RA atau lebih pada satu – satu masa.

1.5.3 **Vot 21000 – Perjalanan dan Pengangkutan**

- Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan, dan pengangkutan domestik yang berkaitan dengan projek.
- Perjalanan ke luar negara adalah tidak dibenarkan.

1.5.4 **Vot 24000 – Sewaan**

- Sewaan luar hanya dibenarkan secara bayaran balik. Sebarang perjanjian adalah di antara penyelidik dan pihak luar dan tidak melibatkan universiti.
- Sewaan dalam - pembayaran melalui LO adalah dibenarkan.
- Sewaan hanya dibenarkan bagi ruang, bangunan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan projek yang diluluskan sahaja

1.5.5 **Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

- Peruntukan V27000 hanya dibenarkan untuk pembelian bekalan dan bahan yang diperlukan dan terlibat secara langsung dengan pembangunan dan pengeluaran projek sahaja dan mendapat kelulusan jawatankuasa dibenarkan.

1.5.6 **Vot 28000 – Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai**

- Penyelidik perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa berkaitan dan disokong oleh JPI sebelum kerja-kerja baik pulih kecil dan ubahsuai dimulakan.

1.5.7 **Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas/Perkhidmatan Khas**

- Peruntukan V29000 hanya dibenarkan untuk pembayaran perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, bayaran perkhidmatan professional, bayaran perkhidmatan teknikal, bayaran konsultansi, persijilan produk/teknologi, pemprosesan data, kajian validasi pasaran dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek yang diluluskan.
- Kajian validasi pasaran adalah terhad kepada RM20,000 dan akan ditentukan oleh mesyuarat.

1.5.8 **Vot 35000 - Peralatan**

- Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk bagi kegunaan untuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek dan diluluskan dalam mesyuarat JKPP adalah dibenarkan. Walaubagaimanapun jika terdapat keperluan bagi pembelian peralatan khas yang lain, penyelidik perlu memohon dengan justifikasi yang kukuh.
- Sebutharga dan justifikasi permohonan perlu disertakan bagi tujuan ini.
- Jumlah yang boleh dipohon bagi tujuan ini adalah tidak dibenarkan untuk melebihi 40% dari peruntukan geran

1.5.9 Prosedur perolehan/pembelian/perbelanjaan bagi setiap projek dibawah Geran Lab2Market ini adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan terkini universiti, Peraturan Kewangan Universiti yang sedang digunapakai dan berkuatkuasa, dan Garis Panduan Skim Geran UMPSA.

1.5.10 Penyelidik tidak boleh menggunakan peruntukkan geran Lab2Market melebihi jumlah yang diluluskan berdasarkan agihan setiap vot dan juga baki keseluruhan projek.

1.5.11 Tuntutan kewangan hendaklah dilaksanakan oleh Ketua Projek.

- 1.5.12 Semua tuntutan kewangan perlu selesai dilaksanakan selewat-lewatnya sehingga 3 bulan selepas tarikh projek tamat. Walaubagaimanapun, hanya perbelanjaan yang dijalankan ketika tempoh geran masih aktif akan diproses dan tertakluk kepada tahun kewangan semasa sahaja. Seandainya akaun projek yang ditutup masih mempunyai baki, maka lebihan itu akan dipindah dan dimasukkan ke dalam tabung amanah JPI.
- 1.5.13 Bagi projek yang didaftarkan dibawah CoE sebagai PTJ pertama semua kelulusan pembayaran dan perolehan perlu melalui Pengarah CoE sebelum di Pejabat Inovasi Industri.
- 1.5.14 Setiap Ketua Projek perlu memastikan perbelanjaan yang dilakukan adalah mengikut peruntukan yang diluluskan dan perancangan yang telah dibuat.
- 1.5.15 Sekiranya terdapat perubahan dalam perancangan peruntukan yang telah dibuat, Ketua Projek hendaklah memohon kelulusan daripada TNC, JPI untuk melakukan pemindahan terhadap peruntukan tersebut, mengikut keperluan terbaharu.
- 1.5.16 Dana yang diberikan hanya untuk kegunaan kerja-kerja yang berkaitan dengan aktiviti penyediaan sesuatu produk untuk dikomersialkan.
- 1.5.17 Setiap aset atau inventori yang dibeli akan diuruskan sepenuhnya oleh Fakulti/COE. Selepas projek selesai, aset dan inventori ini akan menjadi hak milik universiti di mana ia akan dipertanggungjawabkan kepada fakulti/COE. Aset dan inventori ini boleh digunapakai untuk mana-mana projek lain yang bersesuaian.
- 1.5.18 Keputusan sepenuhnya berkaitan mana-mana peraturan yang dinyatakan atau tidak berkaitan geran ini adalah tertakluk di atas budi bicara TNC, JPI.
- 1.5.19 Setiap Ketua Projek adalah tertakluk untuk mematuhi kesemua polisi yang terpakai di UMPSA berkaitan dengan permohonan dan penggunaan geran ini.

1.5.20 Sebarang penajaan pendapatan/keuntungan hasil daripada jualan produk/perkhidmatan perlu melalui agihan keuntungan kepada universiti seperti yang termaktub dalam Polisi Pengkomersialan yang digunapakai di UMPSA.

1.5.21 Setiap Ketua Projek perlu bertanggungjawab untuk mengistiharkan kos – kos jualan dan hasil jualan kepada universiti. Pihak universiti berhak untuk membuat audit atau memeriksa akaun kira – kira berkaitan yang mana akan diketuai oleh Unit Audit universiti.

1.5.22 Permohonan pemindahan peruntukan (virement);

- Permohonan hanya dibenarkan selepas 6 bulan dari tarikh mula projek.
- Pemindahan melebihi 50% daripada kelulusan asal bagi setiap vot adalah tidak dibenarkan.
- Permohonan pemindahan peruntukan hanya dibenarkan untuk dilakukan sebanyak 2 kali sepanjang tempoh projek berjalan.
- Pemindahan adalah tidak dibenarkan bagi vot yang telah diputuskan di dalam mesyuarat JKPP untuk tidak dipindahkan.

1.6 HASIL PENYELIDIKAN

1.6.1 Setiap projek Geran Lab2Market yang diluluskan diwajibkan menghasilkan hasil projek berdasarkan jadual berikut:

Fasa Geran	Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Hasil Bagi Setiap Projek
Fasa 1	<p>Business Model Canvas (BMC) <i>Penghasilan pelan bagi perjalanan operasi perniagaan, mengenalpasti sumber pendapatan, sasaran pelanggan, produk dan kos</i></p> <p>Market Validation Study <i>Kajian pengesahsahihan pasaran (market validation study) perlu disediakan</i></p>
Fasa 2	<p>Minimum viable product (MVP) <i>Minimum viable product (MVP) yang sedia untuk diterimapakai pada skala pengkomersialan iaitu yang mencapai TRL 7-9</i></p> <p>Hasil jualan produk/teknologi untuk mencapai jumlah tertentu</p> <p>Perlesenan atau jualan terus teknologi/ produk</p> <p>Tempahan atau penggunaan teknologi/ produk oleh penerima sasaran Persijilan <i>Persijilan yang diiktiraf dari badan tertentu (Halal, Peralatan perubatan, KKM, dll.)</i></p> <p>Video dan Infografik</p>

1.6.2 Dokumen ikatan perjanjian bersama rakan niaga perlu dikemukakan sekiranya produk/teknologi mempunyai perjanjian dua hala; atau

1.6.3 Semua KPI ditentukan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Penyelidikan (JKPP). KPI ini boleh ditambah/dikurang mengikut keputusan mesyuarat.

BAHAGIAN 2 PENILAIAN PERMOHONAN

2.1 PENILAIAN PERINGKAT UNIVERSITI

2.1.1 Ketua Projek perlu membentangkan proposal geran untuk penilaian dankelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek Penyelidikan (JKPP) UMPSA.

2.1.2 Ahli Jawatankuasa Mesyuarat JKPP Geran Lab2Market UMPSA

- Pengerusi : Pengarah Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi
Ahli : Pengarah-pengarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (JPI)
Ketua Pentadbiran JPI
CEO/Wakil UMPSA Technology Sdn Bhd
Pengarah Pusat Keusahawan
Panel Penilai Geran Iantikan universiti (berdasarkan domain penyelidikan)
Urusetia : Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi
Jabatan Penyelidikan & Inovasi

2.1.3 Kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa ini mestilah sekurang-kurangnya lima (5) ahli termasuk Pengerusi.

2.1.4 Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri/mempengerusikan mesyuarat, Pengerusi boleh melantik mana-mana ahli untuk mempengerusikan mesyuarat.

2.2 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Mesyuarat JKPP dan surat makluman kelulusan projek penyelidikan akan dikeluarkan kepada ketua projek dan ahli projek untuk tujuan rekod. Semua rekod projek penyelidikan akan dikemaskini melalui Sistem IRIMS UMPSA.

BAHAGIAN 3 PEMANTAUAN

3.1 PEMANTAUAN LAPORAN KEMAJUAN PROJEK

- 3.1.1 Penghantaran laporan kemajuan projek adalah berdasarkan takwin yang disediakan oleh JPI atau setiap 6 bulan sekali. Ianya tertakluk kepada projek yang telah melepasi tempoh minima 6 bulan dari tarikh mula. Laporan hendaklah dihantar ke JPI dan juga dimuatnaik ke sistem IRIMS UMPSA.
- 3.1.2 Kegagalan ketua projek mengemukakan laporan kemajuan projek penyelidikan pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan
- (a) aktiviti dan kewangan berkaitan projek penyelidikan tersebut akan digantung atau dibekukan
 - (b) ketua projek disenarai hitamkan dari membuat permohonan geran Lab2Market baru pada masa akan datang
 - (c) direkodkan dalam fail peribadi penyelidik
 - (d) perkara-perkara (a) – (c) akan dilaksanakan sehingga laporan kemajuan diterima 14 hari selepas notis peringatan terakhir dikeluarkan
- 3.1.3 Ahli projek turut perlu bertanggungjawab dalam mengemukakan laporan kemajuan projek.

3.2 PEMANTAUAN LAPORAN AKHIR PROJEK

- 3.2.1 Penghantaran laporan akhir projek penyelidikan adalah dalam tempoh masa tiga (3) bulan selepas projek tamat. Laporan hendaklah dikemaskini ke Sistem Pemantauan Geran Penyelidikan IRIMS UMPSA.
- 3.2.2 Maklumat hasil projek penyelidikan seperti Penerbitan dan Modal Insan perlu dimasukkan oleh penyelidik manakala bagi pencapaian lain iaitu Pameran, Harta Intelek, dan Persidangan adalah data dari sistem sediada.

Penyelidik perlu melaporkan maklumat pencapaian projek penyelidikan yang merangkumi penerbitan, modal insan, pameran, harta intelek dan lain-lain output penyelidikan.

- 3.2.3 Kegagalan ketua projek mengemukakan laporan akhir projek penyelidikan pada masa yang ditetapkan boleh menyebabkan
- (a) aktiviti dan kewangan projek penyelidikan lain serta aktiviti penyelidikan lain penyelidik akan digantung atau dibekukan.
 - (b) ketua projek disenaraihitamkan dari membuat permohonan projek penyelidikan pada masa akan datang.
 - (c) lain-lain penalti yang telah ditetapkan oleh UMPSA
 - (d) perkara-perkara (a) – (c) akan dilaksanakan sehingga laporan akhir diterima 14 hari selepas notis peringatan terakhir dikeluarkan
- 3.2.4 Projek yang telah mengemukakan laporan akhir dan mencapai KPI akan ditukar status kepada Selesai Mencapai KPI. Surat arahan pelarasan baki projek penyelidikan akan dihantar ke Jabatan Bendahari.
- 3.2.5 Pihak JKPP berhak menolak / menilai semula jumlah peruntukan permohonan geran baru penyelidik jika KPI projek penyelidik sebelum ini tidak mencapai KPI yang diberikan.
- 3.2.6 Ahli projek turut perlu bertanggungjawab dalam mengemukakan laporan akhir projek.

3.3 PROJEK TIDAK AKTIF


Projek penyelidikan yang tidak aktif/tidak berbelanja setelah 6 bulan diluluskan perlu mengemukakan justifikasi sebelum projek penyelidikan ditamatkan dengan notis 14 hari kepada Ketua Projek dan akan direkod dalam fail peribadi staf.

DAFTAR ISTILAH

Proposal	Kertas cadangan penyelidikan yang disediakan oleh pemohon
KPI	KPI (<i>Key Performance Indicator</i>) perlu dipenuhi bagi mencapai matlamat penawaran geran penyelidikan
Kolaborator	Kolaborator adalah terdiri daripada pihak industri/agensi kerajaan/agensi swasta/institusi luar negara.
GRA	Individu yang menjalankan pengajian sepenuh masa mod penyelidikan di peringkat pengajian pasca siswazah dan dilantik sebagai Skim Pembantu Penyelidik Siswazah (SPPS) yang membantu dan menjalankan pengajian berkaitan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.
WoS	Pangkalan data mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu yang dikendalikan oleh Clarivate Analytics. Koleksi teras WoS meliputi 6 pangkalan data dalam talian iaitu Science Citation Index Expanded, Social Sciences Citation Index, Arts & Humanities Citation Index, Emerging Sources Citation Index, Book Citation Index dan Conference Proceedings Citation Index.
SCOPUS	Pangkalan data yang mengindeks jurnal saintifik dalam pelbagai disiplin ilmu yang dikendalikan oleh Scopus Elsevier. Scopus memberi 4 jenis penilaian untuk setiap jurnal iaitu h-Index, CiteScore, SJR (SCImago Journal Rank) dan SNIP (Source Normalized Impact per Paper).
ERA	Badan yang mengindeks penerbitan dalam pangkalan data Australian Research Council (ERA Journal List).
MyCITE	Sistem yang diwujudkan oleh Pusat Sitasi Malaysia bagi mendaftar, menilai dan mengindeks semua penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia menggunakan indikator bibliometrik di dalam pangkalan data Malaysian Citation Index.
Honorarium/Saguhati	Honorarium/Saguhati bermaksud bayaran bagi pelaksanaan kerja-kerja penyelidikan dan seumpamanya. Bayaran honorarium/saguhati yang dibenarkan adalah seperti berikut: 1) Enumerator 2) Responden/Subjek

<p>Enumerator</p>	<p>Enumerator bermaksud individu yang dilantik untuk melaksanakan tugas pengumpulan data bagi tujuan penyelidikan termasuk membantu tugas menganalisis data penyelidikan tersebut.</p> <p>Skop enumerator merangkumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengumpul data atau soal-selidik/persampelan ▪ Melakukan transkripsi ▪ Membuat tugas lapangan ▪ Menganalisis data dan/atau ▪ Melakukan lain-lain tugas pengumpulan data penyelidikan yang berkaitan. <p>Kadar bayaran enumerator ditentukan secara jam, harian atau bilangan soal-selidik/persampelan berdasarkan skop tugas yang bersesuaian. Kadar bayaran dan terma kelayakan adalah tertakluk kepada peraturan semasa universiti.</p> <p>Ketua Projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada enumerator dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.</p>
<p>Responden/Subjek</p>	<p>Responden/Subjek bermaksud individu yang dipilih untuk memberikan maklumat dengan menjawab soal selidik yang dikemukakan atau kaedah lain yang berkaitan dalam melaksanakan kaji selidik penyelidikan atau kajian klinikal. Kadar bayaran responden/subjek adalah tertakluk kepada peraturan semasa university.</p> <p>Ketua Projek perlu memastikan peruntukan kewangan mencukupi bagi menampung pembayaran kepada responden/subjek dan ianya telah pun dinyatakan dalam kertas cadangan penyelidikan.</p>
<p>IRIMS</p>	<p><i>Integrated Research and Innovation Management System</i></p>

LAMPIRAN CARTA ALIR PROSES KERJA GERAN LAB2MARKET UMPSA



Kelulusan Mesyuarat Senat Universiti Ke-185 Bil. 12/2021 29 September 2021

**Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Daru Makmur**